

## **ASIA TENGGARA DALAM DASAR LUAR JEPUN**

*Asmadi Hassan*

### **PENGENALAN**

Asia Tenggara merupakan rantau yang kaya dengan bahan mentah yang tidak dapat diperolehi di rantau-rantau lain. Antaranya adalah rempah, getah dan sumber galian seperti bijih timah dan bijih besi. Kerana kekayaan yang dimiliki oleh rantau inilah negara-negara di Asia Tenggara menjadi rebutan penjajah dari barat dan timur. Selepas mencapai kemerdekaan, banyak negara maju cuba menjalinkan semula hubungan politik, diplomatik dan perdagangan dengan rantau ini. Jepun tidak terkecuali dalam hal ini malah selepas negara-negara ini mencapai kemerdekaan, Tokyo terus mempergiatkan usaha untuk mengadakan hubungan yang lebih baik. Menurut Glenn:

“Japanese policy making agents and other political actors ever since the period of colonial expansion during the Pacific War have been aware of the crucial importance of Southeast Asia to Japan’s own economic development.”<sup>1</sup>

Artikel ini akan membincangkan tentang Asia Tenggara dalam dasar luar Jepun melalui beberapa pembahagian seperti: apa yang menyebabkan Jepun menjalin hubungan dengan rantau Asia Tenggara; pendekatan Jepun untuk memulihkan hubungan dengan rantau ini; dasar awal Jepun ke atas Asia Tenggara dan perubahan dasar tersebut sehingga kini.

### **KEPENTINGAN ASIA TENGGARA KEPADA JEPUN**

Sumber terpenting yang dimiliki oleh rantau Asia Tenggara ialah bahan mentah yang penting untuk menggerakkan industri Jepun. Indonesia contohnya membekalkan 31% gas asli, manakala Brunei pula mengeksport keseluruhan minyaknya ke Jepun. Jepun juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap bahan-bahan seperti getah, gula, bauksit, bijih timah, kayu balak dan minyak sayuran<sup>2</sup>.

Dilihat dari aspek geo-strategik pula, laluan di Asia Tenggara terutamanya di Selat Melaka dan Laut China Selatan adalah amat penting bagi Jepun. Laluan secara percuma untuk kapal-kapal Jepun melalui selat ini adalah sangat penting untuk survival ekonominya. Apa yang lebih penting Tokyo perlu rakan yang dapat membantu menjaga keselamatan atau sekurang-kurangnya tidak mengganggu keselamatan kapal-kapalnya yang melalui perairan di negara Asia Tenggara. Selat Melaka mempunyai ciri-ciri kedalaman yang diperlukan untuk kapal pengangkut dan juga memendek dan menjimatkan perjalanan kapal-kapal Jepun untuk ke Eropah, Afrika dan Asia Barat. Melalui laluan ini juga lebih dari 150 buah kapal tangki yang

membawa 227 juta tan minyak dan kontena milik Jepun melaluinya setiap hari. Selain dari itu, laluan ini juga digunakan untuk mengekspor barangan perindustriannya ke Asia Barat, Kesatuan Eropah, Afrika dan negara di rantau Asia Tenggara sendiri. Keseluruhannya, Jepun mengimport hampir 99% minyak dan 60% dari minyak yang diimport datangnya dari negara teluk dan 40% dari perdagangan asing Jepun melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan<sup>3</sup>. Melihat betapa pentingnya laluan di rantau ini, Jepun dengan kerjasama kerajaan Singapura melalui Ishikawajima Harima Industries dengan Economic Development Board of Government of Singapore mendirikan tempat membaiki dan servis kapal antara pelabuhan Yokohama dan negara teluk di Jurong Shipyards pada tahun 1960an.

Negara rantau Asia Tenggara juga penting dari segi kepentingan perdagangan dan pelaburan. Menurut Shiraiishi Takashi, negara-negara di Asia Tenggara telah menyelesaikan masalah pemulihan dan pembangunan semula ekonomi Jepun terutama apabila meletusnya perang Korea dan konflik Amerika-China yang menutup prospek untuk Tokyo mencari pasaran dan bahan mentah di kedua-dua negara tersebut. Walau bagaimanapun negara-negara di Asia Tenggara telah menggantikan negara jiran Jepun tersebut dalam menyediakan bahan mentah dan pasaran kepada barangan Jepun. Asia Tenggara juga sekali lagi telah menyelesaikan masalah ekonomi Jepun berikutan perjanjian Plaza Accord pada 22 September 1985<sup>4</sup>. Selepas Plaza Accord ditandatangani, nilai matawang yen telah dinaikkan pada tahun 1985, 1987 dan 1994 dengan kadar 200, 150 dan 100 yen berbanding 1 dollar Amerika. Kenaikan nilai yen telah menyebabkan kenaikan dalam kos pengeluaran barangan akibat kenaikan dalam kos operasi industri dalam negara yang meningkat. Justeru itu, syarikat-syarikat Jepun telah memindahkan operasi mereka di negara yang lebih murah dari segi kos pengeluaran, bahan mentah dan pasaran yang luas. Asia Tenggara menepati ciri-ciri ini di mana ia menawarkan kos tanah dan buruh yang rendah, bahan mentah yang banyak di samping penduduk yang ramai sekitar 435 juta orang yang berpotensi untuk pasaran barangan Jepun.<sup>5</sup>

## **JEPUN KEMBALI KE ASIA TENGGARA**

Selepas menyerah kalah kepada tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika dalam Perang Dunia Kedua, Tokyo lebih menumpukan kepada usaha memulihkan semula ekonominya berbanding melibatkan diri dalam politik luar. Begitu juga dengan dasar luar terhadap Asia Tenggara yang tidak aktif kerana perasaan anti Jepun sangat kuat di rantau ini.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun Tokyo bernasib baik kerana ia mendapat bantuan dari Washington untuk memulihkan ekonominya di samping mendekati diri mereka dengan negara-negara yang pernah ditaklukinya<sup>7</sup>. Washington menggalakkan Tokyo mengadakan hubungan rapat dengan negara di Asia Tenggara di samping mempromosikan kestabilan di Asia<sup>8</sup>. Kemasukan semula Jepun ke Asia Tenggara dialu-alukan kerana dapat mengurangkan beban mereka untuk menyediakan pasaran dan modal kepada Tokyo. Perdana Menteri, Nobusuke Kishi telah melihat rantau Asia Tenggara sangat penting kepada ekonomi Jepun pada masa akan datang telah merangka rancangan bagaimana Jepun boleh kembali ke Asia Tenggara.



Melalui Perjanjian Keamanan San Francisco yang ditandatangani pada tahun 1952, Tokyo telah bersetuju untuk berbincang dengan negara-negara merdeka di Asia Tenggara yang pernah ditaklukinya untuk membayar pampasan perang. Bermula dari perbincangan ini, telah wujud bibit-bibit hubungan baik antara Jepun dengan negara-negara tersebut. Perjanjian pembayaran pampasan dan normalisasi hubungan dimulai dengan perjanjian dengan Burma melalui Myanmar Peace Treaty pada 1954, diikuti oleh Filipina 1956, Indonesia 1958 dan Vietnam Selatan 1959 yang berjumlah US\$1.15 bilion. Malaysia dan Singapura hanya menandatangani perjanjian tersebut pada September 1967. Antara isi kandungan yang paling penting ialah pekara yang menyebut bahawa semua masalah yang wujud antara Jepun-Asia Tenggara kesan daripada Perang Dunia Kedua diselesaikan melalui perjanjian ini. Normalisasi hubungan dengan rantau Asia Tenggara bukan sahaja untuk berbaik-baik semula dengan negara tersebut, tetapi apa yang lebih penting rantau Asia Tenggara dilihat oleh Jepun sebagai sumber keselamatan ekonominya kerana Asia Tenggara menyediakan bekalan bahan mentah, pasaran, pelaburan dan komunikasi maritim<sup>9</sup>. Pembayaran pampasan disebut oleh John Foster Dulles, Setiausaha Negara Amerika sebagai investment for future good will and trade relations<sup>10</sup>.

Untuk mengekalkan keselamatan ini, paling penting kepada Jepun adalah kestabilan politik. Inilah objektif kenapa Jepun perlu berbaik-baik dengan rantau Asia Tenggara seperti yang digariskan dalam kertas putih MITI tahun 1958. Sebagai tambahan kepada pembayaran pampasan perang, bermula pada tahun 1954 Bantuan Seberang Laut (ODA) Jepun dalam bentuk bantuan teknikal hasil kerjasama dengan British Colombo Plan yang disertai oleh Jepun pada tahun yang sama<sup>11</sup>. Pada tahun 1958 kerajaan Jepun telah memasukkan US\$ 13.9 juta ke dalam Export-Import Bank dan wang tersebut disalurkan ke dalam Oversea Economic Cooperation Fund (OECF) untuk kerjasama ekonomi dengan Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Bermula dengan kerjasama ekonomi dan pembayaran pampasan, Jepun memasuki semula Asia Tenggara untuk mendapatkan bahan mentah dan pasaran eksport yang diperlukan. Hubungan dengan pemimpin politik di Asia Tenggara juga semakin baik. Setiausaha agong parti LDP Kawashima Shojiro, Perdana Menteri Nobusuke Kishi mempunyai hubungan yang erat dengan Presiden Indonesia, Sukarno, Jose P Laurel di Filipina, U Nu di Burma<sup>12</sup>. Hubungan baik ini juga terjalin antara pemimpin-pemimpin perniagaan Jepun dengan ahli-ahli politik negara-negara Asia Tenggara. Hasil pertama yang diperolehi dari hubungan baik ini adalah apabila persetujuan untuk bekerjasama Jepun-Indonesia dalam penerokaan minyak di Sumatera apabila The North Sumatra Oil Development Cooperation Company (NOSODECO) ditubuhkan.

## **DASAR LUAR JEPUN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA**

Hubungan luar Jepun-Asia Tenggara selepas perang dunia kedua lebih menekankan kepada aspek ekonomi berbanding politik<sup>13</sup>. Selepas hubungan diplomatik antara kedua-dua pihak pulih, Jepun menggunakan pendekatan seikei bunri sebagai asas kepada dasar luar negara. Seikei bunri merupakan dasar yang memisahkan antara



“sei” iaitu politik dan “kei”, ekonomi. “Kei” lebih ditekankan dalam hubungan awal Tokyo dengan Asia Tenggara kerana itu adalah matlamat utama mengapa Tokyo mengadakan hubungan dengan Asia Tenggara. Sebaliknya, Tokyo kurang menekankan “sei” memandangkan campur tangan Jepun di Asia Tenggara akan mengeruhkan kembali hubungan Jepun Asia Tenggara kerana sensitiviti anti Jepun masih kuat di kalangan negara-negara di rantau tersebut.

Elemen seikei bunri boleh dilihat dalam pembayaran pampasan perang dan ODA yang pada asasnya diwujudkan untuk menjernihkan kembali hubungan antara Jepun-Asia Tenggara. Namun dalam mengimplementasikan dasar ini terdapat perancangan yang tersembunyi. Dalam Perjanjian Keamanan San Francisco pekara 14 mengenai pembayaran pampasan perang, tidak menetapkan bentuk pembayaran pampasan yang perlu dibayar oleh pihak Jepun. Ini memberi kebebasan kepada Tokyo untuk berunding dan menetapkan bentuk pembayaran tersebut. Tokyo di bawah kerajaan konservatif mengambil pendirian bahawa pembayaran pampasan hendaklah dalam bentuk barangan dan perkhidmatan. Barangan yang diberi pula adalah berbentuk barangan modal bukan barangan pengguna dan pembayaran tidak akan melibatkan pertambahan beban tukaran asing Jepun<sup>14</sup>. Kesan pembayaran melalui pemberian ODA dalam bentuk barangan modal termasuk pemindahan jentera dan pinjaman akan menyebabkan negara-negara Asia Tenggara terpaksa bergantung secara berterusan kepada Jepun dari segi penyelenggaraan jentera dan alat ganti<sup>15</sup>. Dasar seikei bunri ini diperkukuhkan lagi dengan kurangnya penglibatan kerajaan Jepun dalam perbincangan tentang pembayaran pampasan, sebaliknya ia lebih banyak dijalankan oleh pertubuhan dan syarikat-syarikat besar dalam zaikai seperti pertubuhan Keidanren yang dianggotai oleh konglomerat utama Jepun seperti Mitsui, Mitsubishi dan Sumitomo, Japan Foreign Trade Association dan The Chamber of Commerce and Industry.<sup>16</sup>

Agenda pembayaran pampasan perang ini telah menarik ramai golongan industrialis dan kapitalis Jepun untuk melibatkan diri dan meminta kerajaan supaya menyejatkan pembayaran tersebut. Sebenarnya idea pembayaran pampasan dalam bentuk barangan dan perkhidmatan menguntungkan pihak Jepun sendiri. Bagi pihak industrialis dan kapitalis mereka mendapat semula pasaran yang hilang akibat perang dunia kedua apabila kerajaan membeli barangan mereka untuk diberikan kepada negara penerima. Dengan kata lain, pembayaran pampasan perang oleh kerajaan Jepun akan kembali ke kocek mereka sendiri. Pembayaran pampasan juga adalah penyelesaian kepada kapitalis Jepun untuk melibatkan diri dalam jangkamasa panjang di Asia Tenggara. Apabila kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan secara berterusan oleh syarikat-syarikat Jepun, maka secara tidak langsung menjalinkan hubungan kebergantungan negara penerima kepada Jepun dan penglibatan mudah Jepun di rantau Asia Tenggara seperti yang dikatakan oleh Wendl:

The payment of indemnities in cash and kind served several purposes. They would compensate for the loss of markets as a result of the war, they would provide new outlets for Japanese Industries following the decline US procurements after armistice in Korea, they would raise the



level of economies of Southeast Asia and therefore create future markets for Japanese goods and services to the recipient countries.<sup>17</sup>

Indonesia contohnya merupakan negara yang mempunyai tahap kebergantungan yang tinggi kepada Jepun. Pada akhir 1970an lebih separuh daripada pendapatan Indonesia datangnya dari penjualan minyak kepada Jepun, Jepun menjadi rakan perdagangan utama Indonesia mencakupi 30% perdagangan asing dan menguasai lebih 30% pelaburan asing langsung (FDI) di Indonesia<sup>18</sup>.

Dari segi ekonomi, apa yang nyata selepas Jepun mengadakan hubungan baik dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara, perdagangan dengan rantau tersebut berkembang dengan baik. Dari tahun 1960 hingga 1967, eksport Indonesia ke Jepun meningkat sebanyak 5 kali ganda, eksport Thailand ke Jepun meningkat 2 kali ganda, import 3 kali ganda, eksport Filipina meningkat 20% dan eksport ke Malaysia dan Singapura meningkat sebanyak 30% dan 50%<sup>19</sup>. Walau bagaimanapun kebanyakan barangan yang dieksport ke Jepun dari negara-negara Asia Tenggara adalah berbentuk bahan mentah yang rendah dari segi nilai. Tetapi barangan yang dieksport oleh Jepun adalah barangan siap yang mempunyai nilai yang tinggi. Oleh itu telah berlaku ketidakseimbangan perdagangan yang memihak kepada Jepun.

Untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara di Asia Tenggara, Jepun juga bersetuju untuk menjadi penyumbang utama bantuan ekonomi kepada negara-negara tersebut. Pada tahun 1963, 56% dari jumlah keseluruhan bantuan Jepun adalah kepada negara Asia. Dari segi pemberian ODA Jepun, 99% diberikan kepada negara-negara Asia di mana negara di Asia Tenggara mendapat sebahagian daripadanya. Dari segi pelaburan pula, jumlah yang dilaburkan adalah sangat kecil pada awal selepas perang, tetapi berkembang pesat pada tahun 1970an. Jepun juga turut menganjurkan beberapa persidangan untuk pembangunan ekonomi di Asia Tenggara MEDSEA di Tokyo. Persidangan ini dimulai pada tahun 1966 dan diteruskan pada tahun 1967 dan 1968. Tumpuan utama diberikan kepada pembangunan pertanian, pelancongan, pasaran bagi barangan baru dan rancangan untuk membangunkan sistem pengangkutan dan komunikasi yang menunjukkan komitmen Jepun kepada kemajuan Asia Tenggara. Banyak cadangan yang dibuat di MEDSEA bergantung kepada sumber kewangan dan kepakaran teknikal dari Jepun<sup>20</sup>.

Perkembangan ekonomi Jepun yang pesat pada tahun 1960an menjadikan rantau Asia Tenggara semakin penting kepada Jepun terutamanya dari segi kestabilan politik dan ekonomi. Tambahan lagi Amerika, sekutu rapat Jepun telah merangka peranan politik yang boleh dimainkan oleh Tokyo iaitu sebagai "political negotiator". Peluang untuk melibatkan diri dalam politik bermula apabila konfrontasi antara Malaya dengan Indonesia yang melibatkan isu pembentukan Malaysia pada tahun 1963 hingga 1966. Campur tangan politik Jepun di Asia Tenggara memperlihatkan cubaan Jepun untuk membolos masuk dalam arena politik di luar Jepun dan memesongkan asas seikei bunri yang digunakan selepas perang. Walau bagaimanapun penglibatan Jepun dalam politik di Asia Tenggara adalah relatif lebih kecil berbanding dengan ekonomi kerana mereka sedar sensitiviti rakyat di rantau ini yang masih lagi skeptikal dengan kehadiran mereka.



Perdana Menteri Jepun, Hayato Ikeda pada tahun 1963 telah ke Jakarta untuk menawarkan diri sebagai orang tengah dalam konfrontasi tersebut. Walau bagaimanapun tawaran tersebut tidak diterima oleh kedua-dua pihak. Tokyo masih lagi melihat dengan penuh minat pembentukan Malaysia kerana tidak mahu kepentingan ekonomi di rantau Asia Tenggara terjejas dengan konflik tersebut terutamanya bekalan minyak dan perjalanan kapal-kapal pengangkutnya. Untuk kepentingan ekonomi, Tokyo perlu menghentikan konflik ini.

Pada Jun 1964, tiga buah negara Asia Tenggara, Indonesia, Malaysia dan Filipina yang diwakili oleh Sukarno, Tunku Abdul Rahman dan Diosdado Macapagal mengadakan mesyuarat di Tokyo, tetapi tiada perjanjian ditandatangani. Tokyo terus berminat untuk melibatkan diri dalam pertelingkahan tersebut. Pada tahun 1965-66, Tokyo menggunakan hubungan baik yang dipupuk semasa Perang Dunia Kedua dengan Indonesia dan menawarkan berjuta-juta dolar dalam bentuk bantuan ekonomi untuk membantu menyelesaikan konflik ini<sup>21</sup>. Ini merupakan inisiatif politik pertama Tokyo selepas perang di rantau Asia Tenggara. Inisiatif Tokyo ini mempunyai kepentingan tersendiri kerana pertimbangan bahawa Indonesia merupakan negara terbesar di Asia Tenggara dan kaya dengan sumber bahan mentah. Apa yang paling penting bagi Tokyo ialah kestabilan Indonesia akan mempengaruhi rantau Asia Tenggara dan secara tidak langsung membantu melicinkan usaha mendapatkan bahan mentah dari bumi Asia Tenggara.

Konfrontasi Indonesia dan Malaysia merupakan permulaan penglibatan politik Jepun di Asia Tenggara. Ini diikuti dengan penghantaran pasukan pemerhati ke Indochina pada tahun 1968 dan pada Mei 1970 apabila Jepun bersama-sama Indonesia dan Malaysia berkerjasama untuk memulihkan kestabilan rantau Asia Tenggara setelah meletusnya konflik di Kemboja.

Peranan Jepun di Asia Tenggara sebenarnya banyak dipengaruhi oleh agenda Amerika. Tokyo berperanan sebagai penyokong agenda Amerika di Asia Tenggara. Nobusuke Kishi melihat hubungan Jepun-Asia Tenggara sangat penting untuk membantu strategi Amerika dalam menghalang perluasan ideologi komunisme di Vietnam. Tokyo mewujudkan hubungan diplomatik dengan regim anti komunis di Saigon pada 1953 dan mengekalkan pengiktirafan kepada Vietnam Selatan sebagai kerajaan yang sah.

Semasa kemuncak perang Vietnam pada pertengahan tahun 1960an, kerajaan Jepun di bawah Eisaku Sato meneruskan sokongannya kepada Amerika atas pertimbangan bahawa Amerika adalah sekutu terpenting di samping dengan memberi sokongan kepada Amerika akan mempercepatkan usaha pemulangan semula Okinawa yang diduduki oleh Amerika kepada Tokyo. Sato seterusnya melawat Saigon pada 1967 dan memberikan bantuan pembangunan ekonomi kepada regim Vietnam Selatan. Walaupun Tokyo mempunyai hubungan diplomatik dengan Vietnam Selatan tidak dengan Vietnam Utara, tetapi sejajar dengan asas seikei bunri yang diamalkan, ia menjalankan hubungan perdagangan secara kecil-kecilan dengan Vietnam Utara.

Pada tahun 1973, selepas perang Vietnam tamat dengan kekalahan dipihak

Amerika, Jepun mengiktiraf kedua-dua kerajaan Vietnam Selatan dan Utara dan terus memberi bantuan ekonomi kepada mereka. Fokus kepada ekonomi diilustrasikan dengan keputusan Tokyo untuk menyumbangkan bantuan antara tahun 1975-78 kepada pemulihan semula Vietnam. Bantuan dalam bentuk ODA kepada Hanoi bermula pada tahun 1975 berjumlah 8.5 bilion yen, 5 bilion yen pada September 1976, 4 bilion pada April 1978 dan 10 bilion yen pada Julai tahun yang sama. Menurut Soeya Yoshihide, aid diplomacy towards Vietnam was considered to be an integral part of Japan's overall policy towards Southeast Asia<sup>22</sup>. Tokyo terus mengiktiraf kedua-dua Vietnam hingga jatuhnya Saigon pada 1975 dan penyatuan semula Vietnam dijalankan. Tokyo juga terus mengadakan hubungan dengan Vietnam dengan tumpuan diberikan kepada hubungan perdagangan dan menjadi orang tengah yang menghubungkan Vietnam dengan negara-negara Asean.

### **PERUBAHAN DASAR JEPUN TERHADAP ASIA TENGGARA**

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Tokyo membeli dengan jumlah yang besar sumber bahan mentah dari Asia Tenggara. Ia mendapat minyak dan balak dari Indonesia, timah dan getah dari Malaysia. Walau bagaimanapun nilai eksport Jepun ke lima negara Asia Tenggara melebihi dari nilai importnya. Pada tahun 1970an, ketidakseimbangan perdagangan antara Tokyo-Asia Tenggara menjadi semakin kritikal. Tambahan lagi dasar seikei bunri yang lebih menekankan kepada pemberian bantuan dan berorientasikan ekonomi telah mula menunjukkan kesan negatif kepada hubungan Jepun-Asia Tenggara. Telah wujud kebergantungan penuh negara-negara Asia Tenggara kepada Tokyo dari segi bantuan teknikal, pasaran dan bekalan bahan perkilangan.

Aktiviti Jepun yang berlebihan menyebabkan timbulnya kritikan dari negara-negara Asia Tenggara terutamanya dari negara Thailand yang mengatakan Jepun sebagai "over presence" dan mendominasi ekonomi negara tersebut. Ekoran dari dominasi ekonomi Jepun di rantau Asia Tenggara, beberapa siri pemboikotan barangan Jepun dan demonstrasi telah diadakan. Pada November 1972 Pusat Pelajar Kebangsaan Thailand (National Student Center of Thailand, NSCT) mengagihkan poster dan pelekat meminta supaya penduduk di Thailand tidak membeli barangan Jepun. Ini merupakan permulaan siri demonstrasi dan pemboikotan anti-Jepun yang kemudiannya merebak ke seluruh Asia Tenggara.

Menurut Presiden NSCT, Thirayut Boonmee, NSCT tidak berpuas hati dengan dengan defisit perdagangan antara Thailand dan Jepun dan mendapati sektor perniagaan di Thailand telah dikuasai oleh Jepun. Asia Tenggara, selain menjadi pasaran terbesar komoditi dan barangan modal, ia juga menjadi tempat lambakan barangan seharian Jepun. Pelajar-pelajar tersebut menyifatkan Jepun sebagai memperkenalkan cara hidup kolonial baru dengan menjadikan negara mereka terlalu bergantung kepada negara matahari terbit tersebut. Di samping itu peniaga-peniaga Jepun juga dianggap angkuh dan tidak suka bergaul dengan penduduk tempatan dengan tinggal di tempat yang eksklusif. Mereka juga mengamalkan diskriminasi terhadap pekerja tempatan dengan tidak menempatkan pekerja-pekerja tersebut di



jawatan penting dalam syarikat mereka. Jepun juga tidak mahu berkerjasama dengan orang tempatan yang menunjukkan sikap chauvinism mereka. Di samping itu Jepun juga dikatakan enggan memindahkan teknologi kepada negara Thailand. NSCT menyifatkan Jepun sebagai tidak berhati perut, binatang ekonomi (economic animal) yang hanya berminat untuk mengeksploitasi sumber dan pasaran Asia Tenggara tanpa memberi sedikit keuntungan kepada negara di Asia Tenggara dalam bentuk pembangunan sosial dan ekonomi<sup>23</sup>.

Sentimen anti-Jepun di Thailand telah mengejutkan Tokyo. Oleh itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Yasuhiro Nakasone telah dihantar ke Bangkok pada Januari 1973 untuk mendapatkan gambaran apa yang berlaku sebenarnya di samping memujuk dengan menunjukkan keprihatinan Tokyo terhadap ketidakpuasan hati rakyat Thailand. Nakasone menawarkan pakej termasuk pinjaman tidak terikat jangka masa panjang untuk membeli barangan Jepun, berusaha memulihkan defisit perdagangan antara Jepun-Thailand dan membantu membangunkan ekonomi negara tersebut. Nakasone juga meminta maaf kerana tindakan orang-orang Jepun di Thailand dan berjanji akan membetulkan keadaan.

Implikasi dari demonstrasi ini telah menyedarkan Jepun yang mereka terlalu berpuas hati tentang aktiviti ekonomi mereka di Asia Tenggara. Selepas Perang Dunia Kedua, asas seikei bunri yang dikatakan sebagai dasar untuk tidak campurtangan dalam hal ehwal politik, militari dan hanya menumpukan kepada ekonomi telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk di Asia Tenggara. Peristiwa di Thailand telah menyedarkan Jepun bahawa pengaruh ekonominya sangat besar di Asia Tenggara dan perlu diseimbangkan dengan politik dan persefahaman dari segi kebudayaan antara kedua-dua pihak.

Sementara NSCT terus menjalankan beberapa siri demonstrasi anti-Jepun, pada Januari 1974 Perdana Menteri Jepun, Kakuei Tanaka tiba di Bangkok untuk lawatan rasminya di Thailand. Tunjuk perasaan "get out you ugly imperialist", "imperialist monster Tanaka" menyambut kedatangan Tanaka. Bukan di Thailand sahaja, demonstrasi juga dijalankan oleh pelajar-pelajar anti Jepun di Jakarta pada bulan yang sama, apabila Tanaka tiba di sana. Walau bagaimanapun berbeza dengan di Bangkok, di Jakarta demonstrasi bukan sahaja ditujukan kepada orang Jepun tetapi juga kepada kerajaan Indonesia. Pelajar-pelajar bukan sahaja tidak lagi bersabar dengan pembangunan dan polisi ekonomi Suharto tetapi penglibatan ahli-ahli politik Indonesia seperti Suharto, Ibnu Sutowo dan Sudjono Humardani dan kroni syarikat Cina Indonesia seperti kumpulan perniagaan Astra, Panin, Nyo Han Siang dan Salim dengan konglomerat Jepun seperti Toyota, Mitsubishi, Mitsui dan Nippon Credit Bank dalam rasuah<sup>24</sup>.

Pekara yang sama juga berlaku di Filipina di mana perikatan Nissho Iwai dan Ferdinand Marcos merupakan antara yang menonjol di sana. Penglibatan tidak rasmi syarikat Jepun dengan ahli politik dan syarikat di Asia Tenggara menyebabkan timbul perasaan tidak berpuas hati rakyat yang membawa kepada demonstrasi anti Jepun besar-besaran<sup>25</sup>. Charles E. Morrison dalam komennya tentang kejadian pemboikotan barangan Jepun dan demonstrasi anti Jepun mengatakan:



“The Jakarta and Bangkok demonstration however challenged some early Japanese optimism and cherished notions that... Japanese economic activities could be separated from political relation<sup>26</sup>. Peristiwa tahun 1974 juga menyebabkan Jepun perlu menilai semula peranannya di negara-negara Asia Tenggara.”

Walaupun kedatangan pemimpin tertinggi Jepun di negara-negara Asia Tenggara disambut dengan demonstrasi anti-Jepun yang memalukan Tokyo, tetapi ia tidak dibalas balik. Sebaliknya dalam banyak kes Tokyo bijak mengambil langkah diplomatik yang dapat meredakan keadaan ketidakpuasan hati penduduk di negara yang melancarkan demonstrasi tersebut. Tokyo mengambil pengajaran dari ketidakpuasan hati dengan melancarkan banyak program untuk mempromosikan kesefahaman di kalangan penduduk di Asia Tenggara dengan penduduk, intelek-intelek dan peniaga Jepun seperti yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Jepun, Takeo Fukuda dalam rancangan yang dinamakan Doktrin Fukuda.

Di Asia Tenggara, selepas dan sejurus pembentukan ASEAN pada tahun 1975, hubungan antara kerajaan Jepun-ASEAN boleh dikatakan kurang rapat. Kedua-dua pihak mengambil pendirian sedemikian kerana berbeza pendirian. ASEAN merupakan sebuah forum kerjasama negara-negara membangun rantau Asia Tenggara dan tidak terbuka kepada negara-negara lain. Dalam perjumpaan pada April 1973, menteri-menteri luar ASEAN mengkritik Tokyo kerana mengeluarkan getah sintetik yang menyebabkan kemerosotan harga getah asli negara-negara pengeluar di Asia Tenggara. Negara-negara ASEAN telah mengadakan perbincangan sebanyak empat kali dengan Tokyo sebelum penyelesaian dicapai di mana Tokyo bersetuju untuk menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada industri getah asli ASEAN. Permintaan negara-negara ASEAN ini serentak dengan pergerakan anti-Jepun di Asia Tenggara yang menyebabkan Jepun mengambil langkah berhati-hati terhadap negara ASEAN.

Di samping itu konsep yang dipegang oleh ASEAN, neutraliti dan pengisytiharan sebagai zon aman, bebas, dan berkecuali (ZOPFAN) sejak deklarasi Kuala Lumpur 1971 membawa masalah kepada pembuat polisi Tokyo. Jepun yang bersekutu dan bergantung sepenuhnya kepada payung nuklear Amerika mempunyai pendirian yang bertentangan dengan negara ASEAN. Tokyo bimbang jika menyokong pertubuhan yang mengisytiharkan diri mereka sebagai neutral sebagai prinsip utama akan mewujudkan perdebatan sama ada Jepun akan berpihak kepada neutraliti atau berpihak kepada Amerika. Jika ia memilih untuk berpihak kepada ASEAN ini secara langsung membawa kepada perdebatan untuk menghapuskan perjanjian keselamatan Jepun-Amerika. Oleh itu Tokyo merasa lebih selesa berinteraksi dengan negara-negara ASEAN secara bilateral berbanding dengan ASEAN per se.

Walau bagaimanapun, selepas kejatuhan Saigon dan penarikan keluar askar Amerika dari bumi Vietnam dan selepas ASEAN Summit di Bali 1976, Tokyo mengubah dasarnya terhadap ASEAN. Tokyo berpendapat, jika kejatuhan Saigon membawa kesan domino ia boleh membawa kesan kepada seluruh negara di rantau Asia Tenggara. Tokyo bimbang rantau tersebut akan menjadi negara di bawah

dominasi komunisme Vietnam dan seterusnya mengancam keselamatan ekonomi Jepun<sup>27</sup>. Oleh itu Tokyo cuba mempertingkatkan hubungan dengan Asia Tenggara dengan mengambil langkah positif yang menunjukkan mereka mempunyai keinginan politik dan rancangan untuk mengekalkan kestabilan rantau Asia Tenggara.

Pada masa yang sama terdapat desakan terhadap Jepun supaya mengambil tanggung jawab politik yang lebih berat sejajar dengan kekuatan ekonominya. Amerika mendesak Jepun supaya memperluaskan pengaruh politiknya setelah pengaruh Amerika di Vietnam berkurangan. Jika sebelum ini Jepun bersikap pasif dalam politik luar negara tetapi aktif dalam mengumpul kekayaan, maka tepat pada masanya apabila Amerika berundur dari Vietnam, Jepun perlu mengambil tanggung jawab memberi sokongan kepada organisasi Asia Tenggara dan bersedia mengambil tanggungjawab antarabangsa.

Kesediaan ini diiktiraf oleh Kemeterian Luar Jepun (MOFA) di mesyuarat yang diadakan di Hong Kong pada March 1976 selepas Bali Summit. Dalam mesyuarat yang membincangkan keadaan Asia Tenggara pasca perang Vietnam, Tokyo bersetuju yang mereka patut menyumbang kepada keamanan di rantau ini terutamanya antara ASEAN dan negara-negara Indochina. Duta Jepun ke Singapura yang bertindak sebagai wakil kerajaan Jepun mengatakan "luar biasa yang positif bagi negaranya melangkah begitu jauh terhadap terhadap lima buah negara yang begitu penting bagi Jepun". Beliau menambah, Tokyo akan membuat apa sahaja untuk mempromosikan keamanan. Apa yang nyata, polisi masa depan Jepun terhadap ASEAN adalah untuk membantu mengukuhkan negara-negara ASEAN sebagai satu kumpulan dan membantu mengekalkan kemakmuran seluruh Asia Tenggara termasuk Indochina.

Untuk meningkatkan lagi hubungan Jepun-ASEAN, forum Jepun-ASEAN ditubuhkan di mana forum tersebut sebagai tempat untuk membincangkan hubungan kedua-dua pihak. Perjumpaan pertama forum tersebut adalah pada tahun 1977. Di pihak negara-negara ASEAN, mereka juga mula serius dengan persoalan hubungan mereka dengan Jepun. Program pertukaran kebudayaan diusahakan oleh Yayasan Jepun dengan kerjasama organisasi persendirian yang membantu meningkatkan persefahaman. Walau bagaimanapun sebab utama perubahan sikap negara-negara ASEAN adalah kerana mereka mengetahui Jepun penting pada zaman paska Vietnam di Asia Tenggara. Apa yang nyata, selepas Bali Summit, kerangka pembangunan ASEAN mula diperkenalkan dan penglibatan politik Jepun di Asia Tenggara semakin menonjol.

Pada Ogos 1977, berikutan wujudnya kesefahaman bersama, Perdana Menteri Jepun, Fukuda Takeo telah melawat ke ASEAN. Beliau menghadiri ASEAN Summit di Kuala Lumpur dan melawat lima buah negara ahli dan Burma. Lawatan Fukuda bukan sahaja penting kerana bantuan ekonomi yang dijanjikan kepada negara di rantau Asia Tenggara yang berjumlah US\$1.55 bilion tetapi juga mewujudkan kerangka baru dalam hubungan antara Jepun-Asia Tenggara. Di Manila, negara terakhir yang dilawati Fukuda, beliau mengatakan tiga pendirian utama Tokyo dalam mengadakan hubungan dengan negara-negara di Asia Tenggara iaitu Tokyo tidak



akan menjadi aktor militari, Tokyo akan sedaya upaya untuk mengadakan hubungan persefahaman dan kepercayaan bersama berdasarkan hati ke hati dan Tokyo akan menjadi rakan ASEAN dan cuba untuk mengeratkan persefahaman bersama dengan negara-negara Indochina. Ucapan Fukuda yang dinamakan sebagai doktrin Fukuda ini merupakan pengiktirafan kepada hubungan istimewa Tokyo dengan negara-negara ASEAN dan perubahan dari pelbagai pendirian yang diamalkan sebelum ini yang berdasarkan kepentingan keperluan bahan mentah. Pendekatan hati ke hati pula merujuk kepada komitmen untuk membantu ekonomi negara ASEAN. Manakala Jepun akan terus bertindak sebagai orang tengah antara negara-negara ASEAN dan Indochina yang menjadikan rantau Asia Tenggara stabil diperingkat antarabangsa<sup>28</sup>. Selepas kejatuhan Saigon, Asia Tenggara dibahagikan kepada dua blok iaitu komunis yang berpusat di Vietnam dan anti-komunis yang berpusat di negara-negara ASEAN. Tokyo tidak mengikut idea negara-negara anti komunis yang saling bertentangan dengan negara komunis, sebaliknya mahu keamanan wujud dalam kedua-dua blok. Jepun bertindak sebagai orang tengah untuk menamatkan pertelingkahan antara negara-negara ASEAN dengan Vietnam.

Sebenarnya dua pertimbangan yang dibuat oleh Fukuda dalam melancarkan doktrin Fukuda. Pertama, terdapatnya momentum perubahan dalam hubungan antarabangsa di Asia Tenggara pada pertengahan tahun 1970an. Kesemua negara Indochina menjadi negara komunis pada tahun 1975 dan terdapat tanda-tanda kemunculan komunisme di Thailand dan Filipina. Di sini berlaku persaingan dalam penyebaran ideologi di kalangan negara kuasa besar yang pro-komunis dan anti-komunis. Peranan Jepun di Asia Tenggara adalah bagaimana untuk membina jambatan antara negara bukan komunis dan bukan komunis di Asia Tenggara untuk mengelak rantau tersebut menjadi tempat persaingan kuasa besar. Kedua, bagaimana mewujudkan hubungan yang lebih baik dan stabil dengan negara ASEAN setelah wujudnya perasaan anti-Jepun di kalangan rakyat di Asia Tenggara pada tahun 1970an<sup>29</sup>.

Untuk mencapai dua objektif yang digariskan ini Fukuda menjanjikan untuk menggandakan bantuan ekonomi kepada negara-negara ASEAN, memberikan US\$ 1.55 bilion untuk industri ASEAN. Fukuda juga mempertanggungjawabkan kepada Yayasan Jepun yang ditubuhkan pada 1972 untuk membincangkan "hati ke hati" dan melancarkan program kebudayaan untuk memahami dan berkongsi kebudayaan Asia. Selepas lawatan Fukuda, negara-negara ASEAN mula mengambil langkah aktif untuk mengadakan hubungan dengan Tokyo. Pegawai-pegawai ASEAN dan menteri seperti Menteri Hal Ehwal Ekonomi Indonesia, Wiyoyo Nitisastro melawat Jepun pada Mei 1977 dan diikuti oleh Presiden Marcos pada tahun yang sama. Biasiswa ASEAN diwujudkan untuk pembangunan pegawai-pegawai kerajaan negara ASEAN sebanyak US\$ 1 juta selama 10 tahun. Malangnya terdapat janji yang dibuat untuk memajukan ASEAN tidak menunjukkan hasil yang memuaskan. Hanya sejumlah kecil dari peruntukan untuk projek industri ASEAN digunakan. Tokyo juga menolak untuk memulakan skim untuk menstabilkan komoditi negara ASEAN. Beberapa alasan diberi oleh Tokyo seperti masalah untuk melaksanakan projek dan



kekurangan tajaan. Projek baja urea Indonesia-Malaysia, superfospat di Filipina, enjin diesel di Singapura tidak menampakkan kejayaan. Walau bagaimanapun dasar Fukuda menunjukkan perubahan dalam dasar luar Jepun di Asia Tenggara. Selepas lawatan ke ASEAN, perkataan ASEAN menggantikan perkataan Asia Tenggara dan ASEAN menjadi salah satu rantau yang penting dalam dasar luar Jepun di Asia.

Menjelang tahun 1979, pengganti Fukuda, Masayoshi Ohira menubuhkan jawatan kuasa yang diketuai oleh Masamichi Inoki, bekas ketua akademi pertahanan Jepun untuk membuat kajian mengenai dasar keselamatan Jepun yang baru. Antara pekara yang dipertimbangkan untuk dasar luar Jepun yang baru ini adalah hubungan Jepun-Amerika, kedudukan Jepun di Asia Pasifik, kekurangan pasukan pertahanan negara dan kelemahan Jepun seperti tiada sumber bahan mentah dan tenaga serta makanan.

Pada Disember 1980, Perdana Menteri, Zenko Suzuki yang menggantikan Ohira secara rasmi mengesahkan penggubalan dasar luar Jepun berasaskan konsep sogo anzen hosho (dasar keselamatan komprehensif) menggantikan seikei bunri. Melalui sogo anzen hosho ini, inisiatif politik, ekonomi dan kebudayaan diletakkan sama penting dengan militari dalam menjamin keselamatan Jepun. Namun sebenarnya konsep ini merupakan sambungan kepada doktrin Fukuda yang dilancarkan pada tahun 1977. Cuma konsep yang baru ini menuntut supaya peranan lebih aktif dimainkan oleh Jepun berbanding pada tahun-tahun sebelum ini.

Melalui konsep sogo anzen hosho ini kerajaan Jepun percaya bahawa langkah bukan militari seperti pujukan, bantuan ekonomi dan teknikal adalah aspek-aspek penting dalam keselamatan. Dengan keupayaan Tentera Pertahanan Diri (Self Defence Force, SDF) yang terhad, langkah-langkah diplomatik dapat mengubah persekitaran antarabangsa Jepun. Di samping itu, cara diplomatik ini diambil bagi memastikan sokongan rakyat terhadap dasar keselamatan Jepun berterusan memandangkan rakyat Jepun tidak berminat kepada polisi keselamatan yang berbau militari. Di Asia Tenggara dasar luar Jepun yang berasaskan sogo anzen hosho semakin banyak diperkenalkan terutamanya dari segi bantuan politik, ekonomi dan teknikal.

Untuk membuktikan ASEAN sebagai negara yang penting kepada Jepun, Suzuki menjadikan rantau ini sebagai destinasi pertama lawatan antarabangsa selepas dilantik menjadi perdana menteri. Dari segi pertukaran kebudayaan, banyak program telah dilaksanakan untuk memupuk persefahaman antara Jepun dengan Asia Tenggara yang melibatkan pihak swasta dan kerajaan. Nakasone contohnya melancarkan Friendship Plan For 21<sup>st</sup> Century untuk meningkatkan persefahaman antara Jepun dengan penduduk ASEAN. Pada September 1987, Ten Million Program dilancarkan oleh Kementerian Pengangkutan dengan objektif menggandakan pelancong Jepun ke luar negara. Kementerian Pengangkutan juga telah mengadakan promosi yang intensif di samping mengurangkan halangan keluar negara seperti kemudahan visa, insuran dan sebagainya. Pada 1988 Keidanren menubuhkan Committee on Promotion of Inter-Cultural Understanding. Keidanren juga menyediakan biasiswa untuk pelajar dari Asia Tenggara dan program pertukaran



Guru. Kanak-kanak dan isteri-isteri ekspatriat Jepun bergaul dengan rakyat tempatan melalui program lawatan ke sekolah sambil menerangkan tentang kebudayaan Jepun. Mereka bertindak sebagai duta untuk mempromosikan persefahaman antara Jepun-Asia Tenggara. Kepentingan tentang Asia Tenggara kepada Jepun juga ditunjukkan dengan penubuhan ASEAN Culture Center pada 1991 yang terletak di Shibuya, Tokyo. Matlamat penubuhan pusat ini adalah untuk memperkenalkan budaya ASEAN kepada orang-orang Jepun dan mempromosikan persefahaman melalui aktiviti yang dijalankan seperti pameran kesenian, pesta filem, makanan dan konsert artis dari negara Asia Tenggara. Di Malaysia aktiviti untuk meningkatkan persefahaman giat di jalankan melalui program pertukaran pelajar, penubuhan Pengajian Jepun di Universiti Malaya, pelancaran Dasar Pandang Ke Timur yang mengeratkan hubungan Jepun-Malaysia, pemberian hak pendaratan yang lebih banyak kepada syarikat penerbangan Malaysia (MAS) di Jepun<sup>30</sup>. Dalam kes Filipina, pada awal 1980an, masalah pengangguran yang memuncak menyebabkan kerajaan Filipina meminta kerajaan Jepun membawa mereka ke Jepun dan memberi pekerjaan kepada mereka.

ODA Jepun juga dipertingkatkan untuk mengeratkan hubungan ekonomi dan meningkatkan imej Jepun di kalangan negara-negara di Asia Tenggara. Secara tradisional, lebih dari 60% dari ODA Jepun disalurkan kepada negara-negara di Asia di mana separuh darinya kepada negara ASEAN. Indonesia merupakan negara penerima terbesar sebelum ia diambil alih oleh China pada tahun 1989. Thailand, Filipina dan Malaysia juga merupakan antara negara penerima terbesar sejak awal 1960an. Sebelum Jepun mula memberikan bantuan yang banyak kepada China pada tahun 1980, ASEAN menerima 45% dari keseluruhan ODA Jepun<sup>31</sup>. Pada masa sekarang, ODA Jepun banyak digunakan untuk membiayai pembinaan kemudahan awam seperti empangan, lebuh raya, jalan keretapi, hospital dan menubuhkan pusat pembangunan sumber manusia

Pada awal 1980an, ciri bantuan Jepun berubah kepada lebih berorientasikan keselamatan sejajar dengan strategi kerjasama global Jepun dengan Amerika. Tokyo menggariskan kriteria penerima ODA hendaklah mengamalkan demokrasi, menghormati hak-hak kemanusiaan dan menekankan kepada pembangunan ekonomi dan sosial berbanding militari. Dalam kenyataan bersama Jepun-Amerika pada Mei 1981, kedua-dua buah negara bersetuju untuk mengukuhkan bantuan di rantau-rantau yang strategik. Thailand, Filipina, Pakistan dan Turki merupakan kawasan strategik yang banyak menerima bantuan kewangan Jepun. Thailand umpamanya menjadi negara penerima ketiga terbesar selepas China dan Indonesia dari tahun 1980-1988 berdasarkan pertimbangan bahawa Thailand bersempadan dengan Kemboja dan menjadi negara barisan hadapan (front line state) dalam menghadapi pengaruh komunis negara tersebut. Bantuan kepada Filipina pula diperkembangkan berdasarkan kepada tekanan supaya Manila mengekalkan pengkalan tentera Amerika di Subic Bay<sup>32</sup>.

Walaupun rantau Asia Tenggara masih lagi sangsi dengan Jepun, tetapi mereka juga sedar mereka mendapat kebaikan dari hubungan dengan Jepun. Banyak negara di menunjukkan minat dan kagum dengan kemajuan yang dicapai oleh Jepun



dari segi ekonomi sehingga dijadikan model untuk pembangunan negara mereka. Malaysia dan Singapura adalah contoh negara yang paling sesuai dengan Dasar Pandang Ke Timur dan "Learn From Japan Campaign"

Dilihat dari aspek politik, selepas pengenalan sogo anzen hoshō, Jepun cuba memainkan peranan lebih aktif di Asia Tenggara untuk mempromosikan kestabilan dan membangunkan ekonomi terutamanya di negara-negara bukan komunis. Seiring dengan perubahan untuk bergerak lebih aktif dalam politik di Asia Tenggara, Biro Hal Ehwal Asia di MOFA mengubah dari menumpukan kepada ekonomi kepada isu-isu diplomatik di Asia. Tadashi Ikeda ketua biro tersebut mengatakan 80% dari kerja-kerjanya ditumpukan kepada politik. Pada masa ini Jepun telah berjaya meningkatkan hubungan politik dengan negara-negara ASEAN dan menyelesaikan halangan-halangan yang disebabkan kolonialisme pada masa lampau. Penerimaan Jepun di kalangan negara-negara di Asia Tenggara di tujukkan dengan kenyataan berulang kali Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir yang Jepun patut berhenti dari meminta maaf kerana peristiwa masa lampau.

Dengan pengunduran tentera Russia dari Cam Ranh Bay dan pengeluaran tentera Amerika dari Filipina menjadikan China satu-satunya kuasa tentera yang berpotensi memperluaskan pengaruhnya di Asia Tenggara. Ini ditambah lagi dengan konflik antara Asia Tenggara dengan China seperti tuntutan bertindih kepulauan Spratly yang masih belum selesai yang memperlihatkan rantau Asia Tenggara sentiasa terancam oleh kekuatan ketenteraan China. China dilihat lebih cenderung menggunakan angkatan tenteranya untuk menyelesaikan masalah ini. Pada tahun 1989 konflik tuntutan bertindih di kepulauan Spratly telah menyaksikan China menggunakan angkatan tentera lautnya menyerang Vietnam. Dengan senario sedemikian Jepun dilihat akan dapat mengimbangi kuasa China di rantau Asia Tenggara melalui pendekatan yang berbeza. Ini ditunjukkan pada April 1991 apabila Tokyo mula memberi amaran rasmi kepada Beijing dengan pengumuman Toshiki Kaifu untuk menarik balik bantuan ekonomi kepada Beijing jika terus mengembangkan angkatan tentera dan memiliki senjata pemusnah besar-besaran<sup>33</sup>.

Pada Februari 1995, Filipina memprotes ke atas Beijing kerana membina struktur di Mischief Reef, salah sebuah pulau di kepulauan Spratly. Selepas berbincang dengan Manila, Tokyo mendesak supaya Beijing menyelesaikan pertelingkahan tersebut secara aman. Tokyo memainkan peranan sebagai orang tengah antara Beijing dan Manila untuk menyelesaikan pertelingkahan mereka. Walaupun Beijing menolak desakan Tokyo namun peristiwa ini penting kerana ia menunjukkan yang Tokyo telah bersedia untuk memainkan peranan politik yang aktif di Asia Tenggara.

Peranan aktif Tokyo di Asia Tenggara diteruskan lagi apabila Perdana Menteri Yasuhiro Nakasone menghantar Tadashi Kuranari di lima buah negara Asia Pasifik untuk menekankan komitmen Jepun dalam mempromosikan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi ASEAN pada tahun 1987. Pada masa yang sama Tokyo terus ditekan oleh Amerika untuk menyekat perkembangan Russia di Asia Tenggara. Ketegangan perang dingin antara kuasa utama di Asia Tenggara mulai reda dengan dengan pengumuman Vietnam untuk mengundurkan tenteranya dari Kemboja pada



tahun 1988. Pengunduran Vietnam ini memudahkan Jepun untuk terus menjadi orang tengah antara ASEAN dan Indochina dan memudahkan Jepun untuk terus berusaha untuk mengukuhkan ikatannya dengan integrasi rantau Asia Tenggara dari segi politik dan ekonomi.

Pada Ogos 1988, Tokyo menjemput Putera Sihanouk ke Tokyo dan ke Paris International Conference pada 1989 apabila Tokyo melobi untuk berperanan lebih besar di Kemboja. Tokyo diterima menjadi pengerusi bersama Third Committee yang bertanggung jawab kepada pelarian dan pembinaan semula Kemboja. Pada Jun 1990 Tokyo juga menaja Tokyo Conference yang membincangkan isu-isu berkaitan Kemboja, mempromosikan persetujuan di kalangan puak-puak di Kemboja untuk mengadakan gencatan senjata dan menyumbangkan kewangan kepada UN Transitional Authority di Kemboja (UNTAC). Persidangan seterusnya diadakan pada Jun 1992 di Tokyo di mana Jepun menawarkan 25% atau US\$ 880 juta dari jumlah yang diperlukan oleh UNTAC. Bantuan bilateral ke Kemboja juga ditingkatkan dari US\$ 1.97 juta pada 1989 kepada US\$ 61.34 juta, US\$ 64.52 juta, US\$ 152 juta pada tahun 1993, 1994 dan 1995<sup>34</sup>. Jepun menjadi penderma tertinggi kepada Kemboja sejak sejak 1994. Kesan yang penting juga dilihat di mana negara-negara ASEAN mula menerima peranan Jepun di Asia Tenggara dengan menyokong penghantaran 1300 orang SDF setelah International Peace Cooperation Law yang membenarkan SDF mengambil bahagian dalam Operasi Menjaga Keamanan (PKO) di Kemboja yang ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1992-93.

Tokyo dalam usaha untuk bergiat aktif dalam politik dan meningkatkan maklumat dengan bertukar-tukar fikiran dalam mencari penyelesaian konflik yang timbul telah menubuhkan beberapa institusi penyelidikan di dalam dan di luar. MOFA dan Japan Forum on International Relations (JFIR) menganjurkan First Japan-ASEAN Rountable yang diadakan di Tokyo pada September 1990. Mereka juga dengan kerjasama kerajaan negara ASEAN menaja dua pusat penyelidikan isu-isu keselamatan iaitu Centre for Strategic and International Studies (CSIS) di Jakarta, Indonesia dan Institute of Strategic and International Studies (ISIS) di Kuala Lumpur. Kedua-dua pusat ini menyediakan cadangan dengan matlamat untuk menjadikan rakan selengkapnya (complete partnership) antara Jepun-ASEAN.

Tokyo tidak dapat menyembunyikan keinginannya untuk bergiat secara aktif dalam arena politik di Asia Tenggara apabila Toshiki Kaifu dengan jelas semasa lawatannya ke negara-negara ASEAN pada April 1991 mengumumkan tentang Jepun ingin memainkan peranan lebih aktif dalam keselamatan di Asia Tenggara dan bukan lagi hanya sebagai penyumbang kewangan. Pada Julai 1991, di Kuala Lumpur, Tokyo cuba untuk mempromosikan dirinya sebagai pemimpin di rantau Asia termasuk dalam hal-hal keselamatan dengan usul Menteri Luar Jepun, Taro Nakayama di ASEAN Post Ministerial Conference (PMC) untuk menjadikan PMC sebagai forum keselamatan di rantau Asia Tenggara. Forum ini penting untuk membincangkan isu-isu keselamatan dan kestabilan serantau. Namun, cadangan Nakayama menimbulkan kesangsian di kalangan negara-negara ASEAN. Nakayama menekankan yang Tokyo-ASEAN harus menjadi lebih aktif dalam menjaga keselamatan dan keamanan asia.



Menteri Luar Indonesia dalam komennya berkata ASEAN tidak perlu mempunyai mekanisme berasingan untuk menghadapi hal-hal berkaitan keselamatan. Manakala Bangkok pula bersetuju dengan cadangan Jepun tetapi mahu China juga turut serta dalam forum kerana China mempunyai pengaruh yang kuat dalam keselamatan di Asia Tenggara. Tambahan lagi tanpa China akan menimbulkan kesangsian tentang niat sebenar penubuhan forum tersebut.

Namun, melihat inisiatif dan usaha Tokyo di Asia Tenggara seperti menghantar pegawai-pegawai SDFnya untuk menyokong PKO di Kemboja walaupun mendapat tentangan dari negara-negara jiran dan rakyat Jepun sendiri negara ASEAN bersetuju untuk menjemput Jepun menganggotai forum keselamatan serantau (ARF) yang dipersetujui penubuhannya pada tahun 1993 dalam Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN. ARF dilancarkan pada Julai 1994 di Bangkok yang melibatkan ahli-ahli ASEAN, 7 rakan dialog, 2 tetamu China dan Russia dan pemerhati dari Vietnam, Laos dan Papua New Guinea.

Penglibatan dari segi politik diperkembangkan lagi dengan beberapa siri doktrin dari Jepun. pada 1993, semasa lawatan ke ASEAN, Kiichi Miyazawa mengumumkan doktrin Miyazawa berdasarkan empat prinsip peranan Jepun di rantau Asia Tenggara. Antaranya ialah dialog keselamatan berbagai hala, pembangunan ekonomi di Asia Pasifik untuk meliberalisasikan perdagangan, perluasan demokrasi dan perlindungan alam sekitar dan kerjasama Jepun-ASEAN untuk meningkatkan hubungan dengan Indochina. Apa yang jelas Jepun terus berperanan sebagai penstabil dan penyatu di Asia Tenggara. Usaha Jepun untuk mencapai integrasi di Asia Tenggara berhasil apabila Vietnam menyertai ASEAN pada tahun 1995 dan Laos, Kemboja dan Myanmar pada 1997 yang melengkapkan ASEAN 10. Pada Januari 1997, Ryutaro Hashimoto pula mengumumkan doktrin Hashimoto untuk mengukuhkan dan merapatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN. Ini dicapai dengan membantu mengekalkan tradisi dan budaya serantau dan bekerjasama dengan ASEAN untuk menyelesaikan isu-isu global. Dasar ini sejajar dengan persetujuan dalam perisytiharan bersama (joint declaration) Clinton-Hosokawa yang bersetuju untuk memperluaskan interpretasi tanggungjawab Jepun dalam kerangka persekutuan (alliance) Jepun-Amerika dan pelbagai organisasi seperti ARF, APEC, UN, IMF, Bank Dunia, ADB<sup>35</sup>.

Komitmen Jepun untuk bekerjasama dengan ASEAN telah diuji dengan meletusnya krisis ekonomi dan kewangan di Asia Timur pada pertengahan 1997. Tokyo mencadangkan penubuhan Asian Monetary Fund (AMF) di bawah pimpinan Jepun yang mempunyai fungsi seperti International Monetary Fund (IMF). AMF yang dicadangkan akan digunakan untuk menyokong bath, ringgit, dan rupiah berikutan serangan spekulasi kewangan ke atas matawang ini. Walau bagaimanapun idea ini tidak dapat diteruskan kerana tentangan dari Amerika dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Namun Tokyo terus memberi bantuan kepada negara-negara yang menjadi mangsa serangan spekulasi matawang tersebut terutama pada lewat 1998 apabila bermula beberapa siri inisiatif dan pakej bantuan. Pertama, Tokyo menjalankan prinsip baru untuk menerima eksport dari rantau Asia seperti



pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, Keizo Obuchi pada November 1998 sebanyak US\$ 124 bilion dalam bentuk pakej ransangan dalam negara. Kedua, MITI telah membelanjakan US\$22.5 bilion dalam bentuk kredit eksport sebagai cara untuk menggalakkan eksport intra-rantau, ketiga, Tokyo mengumumkan rancangan untuk meningkatkan pemindahan teknologi melalui projek ODA yang baru kepada negara NIEs-4 dan ASEAN-4 untuk membolehkan mereka meningkatkan pengeluaran industri. Pada Oktober tahun yang sama, Menteri kewangan Miyazawa Kiichi mengumumkan inisiatif US\$30 bilion dalam bentuk bantuan kewangan kepada rantau Asia. Inisiatif yang dipanggil "New Miyazawa Initiative" digunakan untuk pengeluaran bond yang kemudiannya digunakan sebagai modal semula (recapitalize) bank-bank di Asia. Inisiatif Miyazawa ini tidak mengenakan syarat seperti penstrukturan semula syarikat-syarikat di negara Asia seperti yang dikenakan oleh IMF. Beberapa negara Asia Tenggara mendapat bantuan dari rancangan ini di mana Thailand menerima US\$1.9 bilion, Malaysia US\$ 2.2 bilion, Indonesia US\$ 2.4 bilion dan Filipina US\$ 1.6 bilion. Sehingga Februari 2000 sebanyak US\$ 12.65 bilion telah disalurkan untuk membantu empat buah negara ASEAN, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina<sup>36</sup> "New Miyazawa Initiative" ini berjaya dengan adanya permintaan supaya penubuhan organisasi seperti AMF dikaji semula dengan meniru rancangan bantuan Miyazawa tersebut.

Kepentingan ASEAN kepada Tokyo walau bagaimanapun tidak boleh diperbesar-besarkan. Tokyo mengiktiraf kepentingan globalisasi dan regionalisasi. Namun mereka menganggap hubungan dengan Amerika sebagai paling penting. Ini dapat dilihat di mana negara-negara di ASEAN diletakkan di tangga ketiga selepas Amerika dan negara di Asia Timur seperti China, Korea Selatan dan Russia<sup>37</sup>. Tokyo perlu berhati-hati untuk melibatkan diri dalam integrasi di Asia Tenggara tanpa Amerika. Contohnya dalam isu penubuhan East Asia Economic Caucus (EAEC). Penubuhan EAEC adalah sebagai forum perbincangan ekonomi untuk menyokong sistem perdagangan bebas dan memberi amaran kepada dunia tentang kepentingan peningkatan perlindungan global. EAEC juga bermatlamat untuk menghubungkan beberapa sub-regional zon ekonomi dan mempromosikan kebergantungan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara Asia Timur<sup>38</sup>. Pendekatan yang paling penting dalam penubuhan EAEC adalah membawa Jepun menyertai pertubuhan tersebut. Namun ia penuh dengan kontroversi kerana EAEC memasukkan Jepun tetapi tidak memasukkan Amerika dan negara-negara bukan Asia seperti Australia dan New Zealand. Oleh itu ia mendapat tentangan kuat dari Amerika tentang penubuhan kaukus ini. Amerika bimbang melihat kekuatan EAEC jika Jepun menyertainya yang boleh mengancam ekonomi Amerika. Untuk mengelakkan perkara ini terjadi Amerika menuduh EAEC sebagai percubaan untuk membina blok ekonomi yang tertutup dan menenggelamkan fungsi APEC yang dianggotainya

Namun negara-negara Asia Timur terutamanya Malaysia menegaskan bahawa EAEC bukan ditubuhkan sebagai blok ekonomi tetapi sebagai forum yang akan membincangkan tentang ekonomi serantau. Sebagai bukti, perkataan asalnya "group" digantikan dengan "caucus" untuk menunjukkan kewujudan EAEC bukan



sebagai sebuah blok perdagangan tetapi sebagai sebuah forum ekonomi Asia Timur. EAEC mendapat sokongan dari negara-negara ASEAN. Lee Kuan Yew menyokong idea Dr. Mahathir yang penubuhan EAEC sebagai "to counter the emergence of protectionist blocs in Europe and North America". EAEC telah meletakkan Jepun dalam dilemma sama ada menyokong atau sebaliknya kerana melihat Amerika lebih penting dari segi politik, ekonomi dan sosial. EAEC telah meletakkan Jepun sebagai pemimpin di Asia seperti yang diidam-idamkan. Ada pendapat yang menggalakkan Jepun menyokong penubuhan EAEC untuk meningkatkan integrasi di rantau Asia Tenggara, memberi peluang kepada Jepun mengimbangi kebergantungan kepada politik dan ekonomi Amerika di samping menunjukkan kepimpinannya diperingkat antarabangsa. Tokyo bagai manapun enggan mengambil risiko mengetepikan Amerika.

Beberapa kementerian lebih memihak kepada mengikut telunjuk Amerika. MITI berpendapat penglibatan Jepun dalam EAEC akan merosakkan hubungan dengan Amerika dan kepentingan ekonominya di sana. MOFA pula melihat yang EAEC akan dilihat oleh Amerika sebagai satu rancangan politik untuk menidakan pengaruh Amerika di Asia Tenggara yang akan memberi kesan kepada hubungan keselamatan Jepun. Oleh itu untuk mengelakkan konflik antara kepentingan dengan Amerika dan Asia Timur, Jepun mengambil jalan tengah menyokong APEC yang dianggotai oleh majoriti negara Asia Timur dan Amerika dan berkompromi untuk mewujudkan EAEC dalam struktur APEC. Dengan keputusan ini Jepun berharap akan dapat memenuhi kehendak Amerika dan Asia Tenggara.

Kepentingan Amerika melebihi negara ataupun rantau yang lain juga boleh dilihat apabila Jepun menolak untuk mengiktiraf Asia Tenggara sebagai zon bebas dari senjata nuklear (SEANWFZ) walaupun semua negara ASEAN menandatangani perjanjian tersebut pada 15 Disember 1995. Penolakan tersebut adalah kerana mendapat tentangan dari Amerika. Amerika berpendapat SEANWFZ akan menyekat perjalanan bebas tentera lautnya melalui perairan Asia Tenggara. Ini sangat mengecewakan negara di Asia Tenggara kerana Pasifik Selatan dan Afrika telah berjaya mempromosi kawasan mereka sebagai bebas dari senjata nuklear. Jepun, walaupun satu-satunya negara yang menjadi mangsa nuklear, mengamalkan polisi non-nuklear tidak menyokong kehendak rantau Asia Tenggara yang mahu bebas dari nuklear. Jika Jepun perlu memilih antara menyokong Amerika atau ASEAN, Amerika menjadi pilihan utamanya. Walaupun Doktrin Fukuda menjanjikan hubungan hati-ke-hati, negara negara Asia Tenggara perlu memahami kenyataan yang Jepun lebih mementingkan Amerika daripada ASEAN.

## **KESIMPULAN**

Dari perbincangan di atas dapat dikatakan bahawa dasar luar Jepun di Asia Tenggara mempunyai ciri-ciri seperti berikut: Pertama dasar luar Jepun telah mengalami evolusi yang ketara terutamanya dari segi politik. Tokyo yang mengamalkan asas seikei bunri dalam dasar luar negara sejak selepas perang telah mengubah dasar tersebut dengan menyamaratakan kepentingan ekonomi dengan politik dan sosial atas pertimbangan bahawa mereka tidak boleh menumpukan kepada ekonomi sahaja



kerana ia banyak membawa kesan negatif dalam hubungan luar Jepun. Sebaliknya langkah menyamaratakan kepentingan politik, ekonomi dan sosial adalah baik untuk survival ekonomi mereka.

Kedua, dari segi instrumen dasar luar pula, bantuan ekonomi dan diplomatik selepas perang menjadi alat utama dasar luar Jepun. Tokyo melihat cara kekerasan dalam hubungan luar yang diamalkan pada perang dunia kedua tidak membawa mereka kepada matlamat dasar luar mereka, sebaliknya membawa kemusnahan teruk apabila Hiroshima dan Nagasaki digugurkan bom atom pada 6 dan 9 Ogos 1945. Dasar yang mereka gunakan selepas perang banyak membantu mereka menikmati kemakmuran di samping mendapat kepercayaan dan sokongan dari negara-negara jiran bahawa matlamat dasar luar Jepun adalah untuk mempromosikan kestabilan politik dan ekonomi di Asia Tenggara.

Ketiga, dasar luar Jepun di Asia Tenggara walau bagaimanapun banyak dipengaruhi oleh Amerika. Jepun sebagai sekutu kuat Amerika dilihat cuba berkongsi matlamat terutamanya dalam menyekat perluasan ideologi komunis, mengimbangkan kekuatan ketenteraan China setelah pengunduran tentera Amerika dari Subic Bay, di samping mengekalkan order di Asia Tenggara melalui bantuan ekonomi dan politik.

#### NOTAHUJUNG

- 1 Glenn D. Hook (et. all), *Japan's International Relations: Politics, Economics and Security*, London and New York: Routledge, 2001, hal. 183.
- 2 Mendl Wolf, *Japan's Asia Policy: Regional Security and Global Interest*, London and New York: Routledge, 1995, hal. 100.
- 3 Prasert Chittiwatanapong, "Japan's Roles in the Posthegemonic World: Perspectives From South East Asia", dalam Akaha Tsuneo, *Frank Longdon, Japan in Posthegemonic World*, Boulder Colo: L. Reinner Publishers, 1993, hal. 209.
- 4 Shiraishi Takashi, "Japan and Southeast Asia", dalam Peter J. Katzenstein, Shiraishi Takahshi (ed.), *Network Power: Japan and Asia*. Ithaca: Cornell University Press, 1997, hal. 177.
- 5 Charles E. Morrison, "Southeast Asia and US-Japan Relations", dalam Gerald L. Curtis (ed.), *The United States, Japan and Asia: Challenges For US Policy*, New York: W.W Norton & Company, 1994, hal. 141, Prasert Chittiwatanapong, hal. 208.
- 6 Ruth Taplin, "Japan's Foreign Policy Towards Southeast Asia", dalam Richard L. Grant (ed.), *The Process of Japanese Foreign Policy: Focuses Asia*, The Royal Institute of International Affairs, 1997, hal. 79.
- 7 Glenn D. Hook, Op. Cit., hal. 183.
- 8 Soeya Yoshihide, "Japan Policy Towards Southeast Asia: anatomy of 'Autonomous Diplomacy' and the American Factor", dalam Chandran Jeshurun (ed.), *China, India, Japan*

*and Security of Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hal. 97.

9 Ruth Taplin, Op. Cit., hal. 79.

10 Shiraishi Takashi, Op. Cit., hal. 177.

11 Colombo plan diwujudkan untuk menggalak dan menyelaraskan bantuan teknikal dan kewangan di kalangan negara-negara anggota Komanwel. Tokyo walaupun bukan dari negara Komanwel menyertai Colombo Plan untuk menyumbangkan bantuan teknikal dan kewangan supaya sumbangannya mudah diterima masuk ke dalam negara penerima selepas anti Jepun memuncak berikutan kekejamannya dalam perang dunia kedua. Pada tahun 1955 Tokyo memperuntukkan 38.4 juta yen bagi membantu membiayai kerjasama teknikal dengan negara-negara Asia. Jepun juga menerima dan menghantar pakar-pakar perunding ke negara-negara anggota. Pada masa ini disebabkan kebimbangan sensitiviti negara-negara penerima akibat kekejaman Jepun semasa perang dunia kedua, Tokyo cuba mengelak daripada melibatkan diri secara langsung dalam projek-projek bantuan. Untuk itu Tokyo telah menubuhkan Asia Association yang memberi kuasa dalam mengimplementasikan bantuan teknikal dibawah kerjasama Colombo Plan.

12 Shiraishi Takashi, Op. Cit., hal. 197.

13 Glenn D. Hook, Op. Cit., hal. 184.

14 Wolf Mendl, Op. Cit., hal. 98.

15 Glenn D. Hook, Op. Cit., hal. 184.

16 Shibusawa Masahide, *Japan and the Asian Pacific Region*, New York: St Martin's Press, 1984, hal. 76.

17 Wolf Mendl, Op. Cit., hal. 98.

18 Ibid, hal. 100.

19 Ruth Taplin, Op. Cit., hal. 79.

20 Wolf Mendl, Op. Cit., hal. 105.

21 Secara amnya majoriti rakyat Indonesia di bawah penaklukan Jepun menerima layanan yang sangat buruk dan mereka cuba menentang keganasan Jepun tersebut. Walau bagaimanapun pendudukan Jepun mempunyai signifikan tersendiri kepada seluruh penduduk di Indonesia iaitu meningkatkan aspirasi untuk mencapai kemerdekaan dari Belanda. Sukarno bekerjasama dengan pentadbiran tentera Jepun untuk dilantik menjadi presiden pertama Indonesia. Pengganti Sukarno, Jeneral Suharto juga mempunyai hubungan yang baik dengan Jepun kerana dilatih oleh tentera Jepun dan berkhidmat sebagai komander dalam platun tentera sukarela Indonesia yang ditubuhkan oleh tentera Jepun.

22 Soeya Yoshihide, Op. Cit., hal. 97.



- 23 Shibusawa Masahide, Op. Cit., hal. 103.
- 24 Shiraishi Takashi, Op. Cit., hal. 182.
- 25 Ibid, hal. 183.
- 26 Charles E. Morrison, Op. Cit., hal. 146.
- 27 Glenn D. Hook, Op. Cit., hal. 183.
- 28 Soeya Yoshihide, Op. Cit., hal. 99.
- 29 Shiraishi Takashi, Op. Cit., hal. 185.
- 30 Paridah Abd. Samad, "Malaysia-Japan Relations: Economic and Political Dimensions", dalam Marie Soderberg and Ian Reader (ed.) *Japanese influences and presences in Asia*, London : Curzon Press, 2000, hal. 218.
- 31 Prasert Chittiwatanapong, Op. Cit., hal. 209.
- 32 Subic Bay merupakan pengkalan tentera laut yang terbesar di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun pengkalan tersebut dimiliki kembali oleh Manila pada tahun 1992.
- 33 Prasert Chittiwatanapong, Op. Cit., hal. 203.
- 34 Mala Selvaraju, "Diplomatic Issues in Japan-ASEAN Relations", *Jati*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Bilangan 6, Disember 2001, hal. 113.
- 35 Charles E Morrison, Op. Cit., hal. 146.
- 36 Md. Nasrudin Md Akhir, "Jepun dan Krisis Kewangan Asia Tenggara", *Pemikir*, Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd, Julai-September 2000, hal. 99.
- 37 Lam Peng Er, "Perceiving Japan: The View From Southeast Asia", dalam Derek da Cunka (ed.), *Southeast Asian Perspective On Security*, Singapore Institute of Southeast Asian Studies, 2000, hal. 144-145.
- 38 Paridah Abd. Samad, Op. Cit., hal. 220.

1. ... .. 1

2. ... .. 2

3. ... .. 3

4. ... .. 4

5. ... .. 5

6. ... .. 6

7. ... .. 7

8. ... .. 8

9. ... .. 9

10. ... .. 10

11. ... .. 11

12. ... .. 12

13. ... .. 13

14. ... .. 14

15. ... .. 15

16. ... .. 16

17. ... .. 17

18. ... .. 18

19. ... .. 19

20. ... .. 20

21. ... .. 21

22. ... .. 22

23. ... .. 23

24. ... .. 24

25. ... .. 25

26. ... .. 26

27. ... .. 27

28. ... .. 28

29. ... .. 29

30. ... .. 30

31. ... .. 31

32. ... .. 32

33. ... .. 33

34. ... .. 34

35. ... .. 35

36. ... .. 36

37. ... .. 37

38. ... .. 38

39. ... .. 39

40. ... .. 40

41. ... .. 41

42. ... .. 42

43. ... .. 43

44. ... .. 44

45. ... .. 45

46. ... .. 46

47. ... .. 47

48. ... .. 48

49. ... .. 49

50. ... .. 50

51. ... .. 51

52. ... .. 52

53. ... .. 53

54. ... .. 54

55. ... .. 55

56. ... .. 56

57. ... .. 57

58. ... .. 58

59. ... .. 59

60. ... .. 60

61. ... .. 61

62. ... .. 62

63. ... .. 63

64. ... .. 64

65. ... .. 65

66. ... .. 66

67. ... .. 67

68. ... .. 68

69. ... .. 69

70. ... .. 70

71. ... .. 71

72. ... .. 72

73. ... .. 73

74. ... .. 74

75. ... .. 75

76. ... .. 76

77. ... .. 77

78. ... .. 78

79. ... .. 79

80. ... .. 80

81. ... .. 81

82. ... .. 82

83. ... .. 83

84. ... .. 84

85. ... .. 85

86. ... .. 86

87. ... .. 87

88. ... .. 88

89. ... .. 89

90. ... .. 90

91. ... .. 91

92. ... .. 92

93. ... .. 93

94. ... .. 94

95. ... .. 95

96. ... .. 96

97. ... .. 97

98. ... .. 98

99. ... .. 99

100. ... .. 100